LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 03 FEBRUARI 2021

KERATAN AKHBAR

# Bicara kes cemar Sungai Gong bermula Jun depan

**SELAYANG** - Mahkamah Sesyen di sini menetapkan perbicaraan kes lima lelaki termasuk empat beradik yang didakwa atas pertuduhan melakukan pencemaran air di kawasan perindustrian Sungai Gong, Rawang pada tahun lalu berlangsung selama enam hari bermula Jun depan.

Perkara itu dimaklumkan Timbalan Pendakwa Raya, Siti Rohaida Che Hamid selepas prosiding kes di hadapan Hakim, Maziah Joary Mohd Tajudin pada Selasa.

Lima tertuduh itu ialah empat pengarah sebuah syarikat yang juga adik-beradik iaitu Yip Kok Wai, 52, Yip Kok Mun, 58, Yip Kok Kuin, 50, dan Yip Kok Weng, 60, serta seorang pengurus syarikat yang sama, Ho Voon Leong, 59.

Siti Rohaida berkata, tarikh perbicaraan ditetapkan pada 2, 3, 9, 10, 17 dan 22 Jun depan.

Dalam prosiding itu, kelima-lima tertuduh diwakili Datuk M Reza Hassan.

Pada September tahun lalu, Mahkamah Tinggi Shah Alam di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman Datuk Norsharidah Awang membenarkan setiap tertuduh diikat jamin sebanyak RM400,000.

Mengikut pertuduhan pertama, mereka didakwa dengan niat bersama telah melakukan khianat dengan menyebabkan bahan buangan yang mengandungi bahan berbahaya dari Bengkel Yip Chee Seng & Sons Sdn Bhd dilupuskan ke dalam alur air.

Bagi pertuduhan kedua, mereka didakwa dengan niat bersama telah melepaskan bahan buangan sama dari bengkel sama tanpa lesen.

Isu tersebut turut mendapat perhatian Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang menzahirkan rasa dukacita baginda terhadap impak yang terpaksa ditanggung rakyat di negeri itu susulan gangguan bekalan air selama beberapa hari.